

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)48**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

48. Apakah status semasa projek LRT Pulau Pinang dan bagaimana Kerajaan Negeri menjamin ketelusan serta keberkesanan pelaksanaannya?
- (a) Berapakah kos terkini projek ini dan adakah ia meningkat daripada unjuran asal?
  - (b) Apakah langkah-langkah mitigasi untuk memastikan projek tidak terbengkalai dan siap mengikut jadual?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

48. Status terkini projek LRT (Segmen 1) adalah di dalam proses pengambilan tanah dan lot-lot terlibat telah diwartakan di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960 pada 10 April 2025. Jajaran LRT Segmen 1 ialah dari KOMTAR ke Permatang Damar Laut.

Kebenaran mengguna melibatkan 86 lot tanah-tanah kerajaan telah diberikan kepada MRTC. Selain itu, langkah-langkah bagi kerja awal

sedang diusahakan selepas mendapat kelulusan di bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Pada masa yang sama projek LRT Laluan Mutiara kini berada dalam fasa persiapan awal di mana salah satu aspek penting dalam kerja-kerja pra-pembinaan ialah pemindahan utiliti sedia ada yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum sebarang kerja pembinaan stesen atau jejambat dapat dimulakan.

Pihak MRTC juga memaklumkan bahawa kerja-kerja fizikal bagi projek ini dijangka bermula pada suku ketiga tahun 2025, manakala pembinaan berskala besar dijangka bermula pada suku keempat tahun 2026.

Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk memastikan projek LRT Laluan Mutiara dilaksanakan dengan telus dan berkesan mengikut jadual yang ditetapkan. Beberapa langkah utama telah diambil, termasuklah:

- (i) Mensyaratkan pihak MRTC untuk melaporkan status terkini pelaksanaan projek setiap bulan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri untuk menyelia kemajuan projek secara berkala;

- (ii) Kerjasama erat dengan agensi Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan pemaju projek bagi memastikan sebarang isu teknikal, perundangan atau logistik diselesaikan dengan pantas;
- (iii) Pemantauan kerja pembinaan melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
- (iv) Menubuhkan *Task Force* Pengurusan Lalu Lintas Projek Mega di Pulau Pinang khusus untuk memantau dan memastikan projek-projek mega yang dilaksanakan di Pulau Pinang termasuk projek LRT Pulau Pinang ini dapat berjalan lancar.
- (a) Perincian peningkatan kos projek LRT Pulau Pinang, Laluan Mutiara adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Pihak Kementerian Pengangkutan dan MRT Corporation (MRTC) memaklumkan bahawa kos semasa projek LRT Laluan Mutiara ini dianggarkan sekitar RM13 bilion berdasarkan skop dan reka bentuk terkini. Kos tambahan ini adalah termasuk dengan reka bentuk tambahan bagi jambatan yang akan menghubungkan bahagian Pulau ke Penang Sentral merentasi Selat Pulau Pinang.

- (b) Bagi memastikan kelancaran projek dan penyempurnaan mengikut jadual, antara langkah disyaratkan kepada pihak MRTC adalah menyediakan pelan pengurusan risiko dan kontingensi menyeluruh, termasuk penetapan jadual pelaksanaan yang realistik dan penilaian prestasi berterusan yang perlu dilaporkan secara bulanan kepada Kerajaan Negeri.